



UUM
Universiti Utara
Malaysia

NEWS HIGHLIGHTS

☐ STRAITS TIMES ☐ Utusan Malaysia ☐ KOSMO! ☒ BH

☐ Sinar ☐ Star ☐ iMetro

Date: 20/8/26

Page: 13

UUM/AA87/BH/20.08.2026/P :13(1-3)

Sepadukan kursus linguistik, IT perkasa bahasa Melayu era digital

**Prof Madya
Dr Mashetoh
Abd Mutalib,**
Pusat Pengajian
Bahasa Tamadun
dan Falsafah,
Universiti Utara
Malaysia

Kehidupan hari ini semakin rapat dengan teknologi. Hampir setiap hari kita menggunakan telefon pintar, aplikasi mesej, media sosial, sistem terjemahan, kamus digital dan pelbagai aplikasi dalam talian.

Tanpa kita sedar, banyak teknologi digunakan sebenarnya berkait rapat dengan bahasa. Misalnya, apabila menaip mesej, telefon akan mencadangkan perkataan sesuai. Jika tersalah eja, sistem akan membetulkannya, jika tidak memahami bahasa asing, kita menggunakan aplikasi terjemahan.

Jika kita perlukan jawapan segera, akan bertanya kepada chatbot. Semua ini menunjukkan bahasa kini bukan lagi digunakan dalam percakapan dan penulisan biasa, tetapi turut menjadi sebahagian penting dalam dunia digital.

Perubahan ini menjadikan program linguistik dan teknologi maklumat (IT) semakin penting kerana menggabungkan dua bidang utama, iaitu ilmu bahasa dan teknologi.

Gabungan ini sangat sesuai dengan keperluan semasa kerana dunia hari ini memerlukan manusia yang bukan sahaja memahami bahasa, tetapi mampu menggunakan teknologi untuk mengembangkan bahasa.

Linguistik ialah ilmu mengkaji bahasa secara sistematik. Namun, linguistik bukan sekadar mempelajari tatabahasa atau makna perkataan tetapi membantu kita memahami bagaimana manusia menggunakan bahasa dalam kehidupan sebenar.

Keunikan bahasa manusia inilah menjadikan linguistik sangat penting dalam dunia teknologi. Teknologi boleh menjadi sangat canggih, tetapi masih memerlukan ilmu linguistik untuk memahami manusia dengan lebih baik.

Sebagai contoh, chatbot yang baik tidak cukup sekadar mengenal perkataan ditaip pengguna. Chatbot perlu memahami maksud soalan, nada bahasa dan situasi pengguna. Barulah jawapan diberikan terasa lebih sesuai dan tidak kaku.

Begitu juga dengan aplikasi terjemahan. Menjemah bahasa bukan sekadar menukar perkataan daripada satu bahasa kepada bahasa lain. Terjemahan yang baik perlu mengambil kira makna, budaya, susunan ayat dan konteks sebenar.

Ilmu linguistik bantu terjemahan tepat

Jika tidak, terjemahan dihasilkan mungkin kedengaran pelik atau tidak menyampaikan maksud sebenar. Di sinilah ilmu linguistik membantu teknologi menghasilkan terjemahan yang lebih tepat dan semula jadi.

Dalam sistem pengecaman suara pula, teknologi perlu memahami cara manusia bercakap. Setiap

orang mempunyai sebutan berbeza. Ada yang bercakap dengan loghat utara, pantai timur, sebutan baku atau campuran bahasa.

Jika sistem tidak memahami kepelbagaian ini, suara pengguna mungkin disalah tafsir. Oleh itu, pengetahuan bunyi bahasa dan variasi pertuturan amat diperlukan.

Dunia pekerjaan hari ini juga semakin memerlukan individu mampu menghubungkan bahasa dengan teknologi.

Dalam dunia digital, bahasa Melayu perlu terus berkembang supaya tidak ketinggalan. Bahasa Melayu tidak boleh hanya hidup dalam buku, bilik darjah atau urusan rasmi.

Bahasa Melayu juga perlu hadir dalam aplikasi, sistem suara, kamus digital, platform pembelajaran, chatbot dan teknologi kecerdasan buatan.

Bagi mencapai tujuan itu, bahasa Melayu memerlukan data digital mencukupi dan berkualiti. Data bahasa boleh datang daripada teks, ucapan, perbualan, media sosial, artikel, buku dan pelbagai sumber lain.

Data ini boleh digunakan untuk membina aplikasi bahasa lebih baik. Namun, perkara paling penting ialah teknologi perlu kekal dekat dengan manusia.

Bahasa bukan sekadar data tetapi membawa emosi, budaya, pengalaman dan hubungan antara manusia. Apabila teknologi memahami bahasa dengan lebih baik, teknologi juga menjadi lebih mesra dan lebih berguna kepada masyarakat.

Dalam dunia semakin pantas berubah, bahasa tetap menjadi keperluan utama manusia. Bezanya, bahasa hari ini bukan lagi berada di atas kertas atau percakapan harian. Bahasa kini hidup dalam aplikasi, telefon pintar, sistem pintar dan kecerdasan buatan.

“Data ini boleh digunakan membina aplikasi bahasa lebih baik. Namun, perkara paling penting ialah teknologi perlu kekal dekat dengan manusia”